

SOALAN NO: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan keperluan menambah pakaian seragam (*uniform*) kakitangan awam daripada tiga pasang kepada lima pasang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan penjawat awam. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1990 telah memperuntukkan bekalan pakaian seragam sebanyak dua (2) pasang seorang setahun kepada penjawat awam yang berkelayakan. Melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1995, Kerajaan telah menambahbaik bekalan pakaian seragam kepada tiga (3) pasang seorang setahun yang berkuatkuasa pada 7 November 1995.

Pemberian kemudahan ini meliputi seramai 324,000 orang penjawat awam dengan kos sebanyak RM224 juta setahun bagi upah jahit sahaja. Kos ini tidak termasuk kos bekalan kain dan kaedah pembekalan pakaian seragam yang siap dijahit serta perolehan perkhidmatan jahitan secara berasingan oleh kementerian/jabatan.

Penambahan bilangan pakaian seragam daripada 3 pasang kepada 5 pasang setahun akan melibatkan kos tambahan sebanyak RM149 juta setahun. Sehubungan itu, pertimbangan terhadap cadangan berkenaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.